



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PEMERENGGANAN TEKS DALAM BUKU IBU BAPA BIJAK KELUARGA
BAHAGIA**

ATIKAH BINTI MOHD NOOR

FBMK 2018 93



**PEMERENGGANAN TEKS DALAM BUKU
IBU BAPA BIJAK KELUARGA BAHAGIA**

Oleh

ATIKAH BINTI MOHD NOOR

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazzah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Okttober 2018



HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Dedikasi ini buat...
ayahku Mohd Noor bin Drahman,
adik-beradikku

Kamaruzaman, Rosmawati, Mohd Hisham, Mohd Hanafi, Zulkefli dan Amir Rullah
serta kakak ipar tersayang
Siti Badariah dan Siti Noor Farhana yang sentiasa mendoakan.

Malah dedikasi ini juga dituju kepada penyelia tesis
Dr. Sharil Nizam Sha'ri,
dan ahli jawatankuasa penyelia tesis
Dr. Hasnah Mohammad
yang sentiasa sabar dalam memberikan tunjuk ajar.

Para sahabat
yang sentiasa mendoakan kejayaan,
memberi kata-kata semangat yang tidak putus-putus,
malah sentiasa menyokong,
dan sentiasa memberi harapan.

Terima kasih kepada semua.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

PEMERENGGANAN TEKS DALAM BUKU *IBU BAPA BIJAK KELUARGA BAHAGIA*

Oleh

ATIKAH BINTI MOHD NOOR

Okttober 2018

Pengerusi : Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pemerengganan teks dalam sesebuah buku mempunyai peranan penting untuk menghasilkan penulisan yang berkesan agar dapat menjadi wadah perhubungan, menyampaikan idea dan pengalaman daripada minda penulis kepada pembaca. Permasalahan kajian ini ialah berlakunya penulisan yang tidak mempunyai perenggan akan menyebabkan pembaca sukar memahami jalur pemikiran penulis dan kesukaran menumpukan perhatian pada idea yang dikemukakan, serta akan menyebabkan pembaca tidak dapat memahami idea yang disampaikan oleh penulis. Kajian menggunakan kaedah analisis teks dan data kajian dipilih berdasarkan sampel rawak mudah terhadap 12 tajuk, iaitu 30 peratus daripada populasi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis struktur pemerengganan teks dalam buku *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* (IBBKB). Objektif kedua ialah menganalisis jenis struktur pemerengganan teks dalam buku *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* dengan menggunakan pendekatan Model Jenis Struktur Perenggan Teks (Mohd Azhar Abd Hamid et al., 2001) dengan memberi tumpuan kepada penggunaan ayat majmuk keterangan. Objektif ketiga ialah merumuskan pemerengganan teks yang utuh dalam buku IBBKB. Hasil kajian daripada objektif pertama didapati bahawa penulis buku motivasi ini menggunakan jenis struktur perenggan pengenalan deskriptif, penceritaan, dan ringkasan, perenggan isi deduktif, induktif, dampingan, perbandingan dan kutipan/dialog, serta menggunakan empat fungsi perenggan penutup, iaitu penyimpulan, pengukuhan teman-mesej, penjelasan pengertian, dan kepuasan penulis/pembaca. Dapatkan objektif kedua pula didapati bahawa kepelbagaian penggunaan jenis struktur pemerengganan teks memainkan peranan penting dalam menjelaskan idea untuk mengembangkan sesebuah perenggan sama ada dari segi penghuraian sesuatu idea tema pada permulaan perenggan, kedudukan ayat topik dan huraian sokongan, serta pengakhiran perenggan, di samping mampu mempengaruhi minat pembaca. Justeru, dalam pembentukan sesebuah perenggan memerlukan penulis menggunakan ayat majmuk keterangan dalam menghuraikan dan menyampaikan mesej yang jelas dan mudah kepada pembaca. Hasil dapatan bagi objektif ketiga didapati bahawa penulis menerapkan kesatuan dalam perenggan dengan memfokuskan kepada satu tema dalam jalinan keseluruhan perenggan. Manakala, kepaduan dapat dilihat apabila penulis berupaya menjalin dengan rapi ayat-ayat dalam perenggan sehingga ayat tersebut memperlihat kesinambungan antara satu sama lain. Seterusnya, perkembangan

perenggan dapat dilihat apabila penulis berupaya mengembangkan sesuatu idea dengan disertai penerangan huraihan lanjut agar pembaca jelas dengan idea yang dikemukakan dan memenuhi konsep keutuhan dalam perenggan. Kesimpulannya, kepelbagaiannya penggunaan perenggan dan penggunaan ayat majmuk keterangan dalam buku motivasi ini berupaya dalam menyampaikan mesej yang positif, dan dapat dijadikan panduan serta teladan dalam kehidupan pembaca.

Kata kunci : jenis struktur perenggan pengenalan; jenis struktur perenggan isi; fungsi perenggan penutup, ayat majmuk keterangan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirement for the degree of Master of Arts

**PARAGRAPHING IN THE BOOK OF *IBU BAPA BIJAK*
*KELUARGA BAHAGIA***

By

ATIKAH BINTI MOHD NOOR

October 2018

Chairman : Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Text paragraphing in books plays an important role in producing effective writing in order to become the communication medium, convey ideas and experiences from the author's mind to readers. The research problem of this study is the non-paragraph writing will make the reader difficult to understand the writer's mindset and the difficulty of concentrating on the ideas presented, and will cause the reader to not understand the ideas presented by the author. The method of the study is text analysis and the data was selected based on a simple random sample of 12 titles, which is 30 percent of the population. The objective of this study is to identify the types of text paragraphing structures in the book *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* (IBBKB). The second objective is to analyze the type of paragraphing structure in the book *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* by using *Model Jenis Struktur Perenggan Teks* (Mohd Azhar Abd. Hamid et al., 2001) approach and focusing on the use of compound verses. The third objective is to formulate a complete text paragraphing from IBBKB book. The findings from the first objective found that the authors of this motivational book used the structure of the descriptive, narrative, and summary form of the paragraph, deductive, inductive, complementary, comparative and collective content paragraphs, and used the four function of the closing paragraph such as the conclusions, the strengthening of the theme-messages, explanation of meaning, and the satisfaction of the author/reader. The second objective finding is that the diversity of the use of the paragraphing structure plays an important role in explaining the idea to expand a paragraph, either in terms of the decomposition of a theme idea at the beginning of the paragraph, the position of topic sentence and additional descriptions, as well as the ending of the paragraph. It is believed that these elements are able to influence readers' interest. Hence, in the formation of a paragraph requires the author to use compound sentences in describing and delivering a clear and easy message to the reader. The findings of the third objective are found that the author applies the sentence unity in the paragraph by focusing on a theme in the whole piece of the paragraph. Meanwhile, coherence can be seen when the author is able to neatly compose the sentences in the paragraph until the sentences show the continuity of each other. Furthermore, the development of paragraphs can be seen when the author is able to develop an idea followed by extended descriptions so the reader will clear with the ideas and sentence unity concept in a paragraph. In conclusion, the diversity of the use of paragraphs and

the use of compound sentences in this motivational book is capable of delivering positive messages, and can be used as guides and examples in the lives of readers.

Keywords : structure of the paragraph introduction; structural paragraph contents; function of paragraph closing, compound sentence description.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T. pemilik sekian alam,
Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Rasulullah S.A.W.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk memperoleh Ijazah M.A. Bahasa Melayu.

Saya dengan ikhlasnya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Dr. Sharil Nizam Sha'ri selaku pengerusi tesis dan Dr. Hasnah Mohammad selaku ahli jawatankuasa tesis atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan selama ini. Komitmen yang telah diberikan ini sangat berguna dan telah membuka laluan mudah bagi menyiapkan tesis ini. Di samping, pandangan dan dorongan yang diberikan akan disemat dalam ingat sebagai pedoman pada masa hadapan.

Buat ayah, dan keluarga tersayang, segala doa restu dan dorongan kalian amat dihargai. Semoga usaha ini sentiasa diberkati Allah S.W.T. dan dapat dimanfaatkan.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan kerana banyak memberikan teguran, pandangan, perkongsian maklumat serta idea-idea bernas. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, didoakan semoga sumbangan ikhlas anda diberkati Allah S.W.T. dunia dan akhirat. Sekian, terima kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sharil Nizam Sha'ri, Ph.D

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Hasnah Mohammad, Ph.D

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, Ph.D

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik: Atikah binti Mohd Noor (GS47246)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PENGAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.5.1 Penulis	5
1.5.2 Pembaca	6
1.5.3 Penerbit	6
1.5.4 Pengkaji yang Seterusnya	7
1.6 Batasan Kajian	7
1.7 Definisi Konsep	9
1.7.1 Perenggan	9
1.7.2 Ayat Majmuk Keterangan	12
1.7.3 Buku	13
1.8 Kesimpulan	14
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Kajian Berkaitan Pemerengganan Teks	15
2.3 Kajian Berkaitan Ayat Majmuk	19
2.4 Kajian Berkaitan Penulisan Buku	20
2.5 Kesimpulan	23
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	24
3.2 Reka Bentuk Kajian	24
3.2.1 Konsep dan Pendekatan	25
3.2.1.1 Model Jenis Struktur Perenggan Teks (Mohd Azhar Ab. Hamid et al., 2001)	25
3.2.1.2 Jenis Ayat Majmuk Keterangan (Abdullah Hassan et al., 2006)	29
3.2.2 Kaedah Kajian	30
3.2.3 Bahan Kajian	31
3.2.4 Alat Kajian	32
3.2.5 Pensampelan Rawak Mudah	32
3.3 Penganalisisan Data	33

3.4	Kerangka Konseptual	34
3.5	Kesimpulan	35
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	36
4.2	Kekerapan Jenis Struktur Perenggan Teks dalam Buku Motivasi <i>Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia</i> (IBBK).	37
4.3	Analisis Jenis Struktur Pemerengganan Teks	39
4.3.1	Analisis Perenggan Pengenalan	40
4.3.1.1	Perenggan Pengenalan Deskriptif	40
4.3.1.2	Perenggan Pengenalan Penceritaan	42
4.3.1.3	Perenggan Pengenalan Ringkasan	44
4.3.2	Analisis Perenggan Isi	46
4.3.2.1	Perenggan Deduktif	46
4.3.2.2	Perenggan Induktif	50
4.3.2.3	Perenggan Dampingan	53
4.3.2.4	Perenggan Perbandingan	57
4.3.2.5	Perenggan Kutipan	62
4.3.3	Analisis Perenggan Penutup	64
4.3.3.1	Perenggan Penutup Penyimpulan	64
4.3.3.2	Perenggan Penutup Pengukuhan Tema-mesej	65
4.3.3.3	Perenggan Penutup Penjelasan Pengertian	66
4.3.3.4	Perenggan Penutup Kepuasan Penulis/ Pembaca	67
4.4	Merumus pemerengganan teks yang utuh dalam buku IBBK.	68
4.5	Kesimpulan	72
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	73
5.2	Rumusan	73
5.3	Cadangan	74
5.4	Penutup	75

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

BIODATA PELAJAR

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Senarai Tajuk Sampel Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia	8
2	Jenis Struktur Perenggan Pengenalan dalam Buku IBBKB	37
3	Jenis Struktur Perenggan Isi dalam Buku IBBKB	38
4	Jenis Struktur Perenggan Penutup dalam Buku IBBKB	39

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Jenis Perenggan Pengenalan	25
2	Perenggan Deduktif	26
3	Perenggan Induktif	26
4	Perenggan Dampingan	27
5	Perenggan Perbandingan	28
6	Kerangka Konseptual	34

SENARAI SINGKATAN

CEO	Chief Executive Officer
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
GP	Gaya Persembahan
IBBKB	Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia
Jum	Jumlah
KP	Kemahiran Penulisan
P1	Pengenalan Ringkasan
P2	Pengenalan Deskriptif
P3	Pengenalan Ucapan langsung
P4	Pengenalan Penceritaan
P5	Pengenalan Pernyataan memeranjatkan
PI1	Induktif
PI2	Deduktif
PI3	Dampingan
PI4	Perbandingan
PI5	Kutipan/Dialog
PP1	Penutup Penyimpulan
PP2	Penutup Pengukuhan Tema-mesej
PP3	Penutup Penjelasan Pengertian
PP4	Penutup Kepuasan Penulis/Pembaca
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penulisan merupakan salah satu cabang komunikasi yang sangat penting kepada manusia sama ada menerusi media cetak maupun media elektronik. Saluran medium ini berfungsi menghubungkan antara penulis dengan khalayak pembaca dalam pelbagai situasi, sama ada yang bersifat formal maupun tidak. Keupayaan penulis memujuk, memberitahu, menyalurkan, dan menjelaskan sesuatu isu atau idea kepada khalayak pembaca bergantung kepada ilmu, keupayaan, kemahiran bahasa, dan pengalamannya dalam menulis (Mohd Azhar Abd Hamid et al., 2001).

Menurut mereka, penulis yang mahir dan berpengalaman dengan mudah dapat menguasai minda dan pemikiran khalayak pembacanya. Kedua-dua ini akan menjadikan pembaca tertawan dan meminati karya seseorang penulis itu berdasarkan gaya wacana, kandungan hujah dan ketokohan penulis dalam sesuatu bidang. Penulis juga mempunyai gaya dan keterampilan menulis yang tersendiri.

Mohd Azhar Abd Hamid et al. (2001), juga menyatakan bahawa menulis merupakan satu proses yang bersifat dinamik kerana melibatkan kemahiran menaakul, membaca, mengumpul fakta, menilai, memilih dan membina hujah. Justeru, menulis memerlukan latihan, pendedahan, dan minat yang konsisten untuk menghasilkan sesebuah penulisan yang bermutu. Idea yang digarap oleh penulis dalam pelbagai teks berupaya memujuk, memberitahu, menjelaskan dan mendidik khalayak pembaca.

Richard Hanson (1996) menyatakan bahawa:

"Reading quality writing (whether essays or fiction) and practicing writing (whether formally or informally) will give you the needed experience to communicate well. Write and rewrite. Practice makes good writers or in other words, hard work".

"Always make sure you know enough about your subject to write intelligently about it".

Tegasnya, penulis perlu menitikberatkan pendapat Richard Hanson (1996) untuk menghasilkan penulisan yang bermutu dan menarik minat pembaca.

Walau bagaimanapun, aspek gaya penulisan juga amat penting dalam sesebuah penulisan. Menurut Paimah Atoma (2004), gaya penulisan mestilah sesuai dengan

bentuk fakta dan khalayak pembacanya. Penulis perlu peka terhadap dua aspek iaitu aspek reka bentuk penulisan dan aspek kemahiran menulis untuk mengelakkan penulisan menjadi hambar. Reka bentuk penulisan seperti konsistensi, pemilihan saiz huruf, penggunaan penomboran, kutipan, dan bentuk-bentuk perenggan. Manakala, kemahiran menulis seperti aspek penggunaan tatabahasa yang betul, kejelasan, ketepatan, kesesuaian serta mengelakkan daripada pengulangan perlu dikuasai oleh penulis.

Penulisan dan perenggan mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Perenggan merupakan aspek penting dalam penulisan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd Azhar Abd. Hamid et al. (2001), perenggan digunakan oleh penulis untuk menyampaikan gagasan idea secara lebih tersusun dan mewujudkan komunikasi di antara penulis dengan pembaca. Mereka juga menyatakan bahawa selain perenggan, konvensi ini juga dikenali sebagai paragraf dan alinea.

Sehubungan itu, penting untuk dinyatakan bahawa dalam penulisan terdapat satu aspek penting yang tidak boleh diketepikan dalam penulisan yang dinamakan sebagai ‘perenggan’. Aspek-aspek dalam penulisan inilah yang membentuk sesebuah perenggan dan perenggan ini dapat membantu merapatkan jurang komunikasi atau mengelakkan salah faham pembaca. Menurut Azhar Salleh (2005), perenggan digunakan oleh penulis untuk menyampaikan gagasan ideanya secara lebih tersusun dan mewujudkan komunikasi antara penulis dengan pembaca.

Di samping itu, Mohd Azhar Abd. Hamid et al. (2001) menyatakan bahawa setiap perenggan penulisan yang diolah oleh penulis mesti mengandungi makna tertentu khususnya yang berkaitan dengan topik. Makna dalam sesebuah perenggan itu boleh jadi suatu idea, data statistik atau keterangan mengenai rajah, graf dan sebagainya. Kedudukan ayat topik yang berlainan dalam pembentukan perenggan akan menghasilkan bentuk-bentuk perenggan seperti perenggan deduktif, induktif, dan deduktif-induktif. Bentuk-bentuk perenggan inilah yang menjadi punca penghubung antara perenggan. Justeru, memahami struktur perenggan dan menerapkan dalam penulisan menjadi syarat penting untuk menghasilkan penulisan yang berkesan (Awang Sariyan, 2007).

Oleh itu, kajian ini berusaha untuk memperjelaskan perkara penting dalam menghasilkan sesebuah penulisan, iaitu jenis struktur perenggan teks yang digarap oleh penulis.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian berkaitan dengan penulisan pemerenggan teks banyak dilakukan oleh para pengkaji terdahulu yang lebih tertumpu dalam bidang pendidikan dan tidak mengkaji perenggan dalam penulisan umum atau buku, khususnya buku motivasi. Hal ini menunjukkan timbul kelompongan dalam kajian ini yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu.

Berdasarkan penelitian, didapati kajian berkaitan dengan pemerengganan teks dikaji oleh Raminah Sabran (2014), Wan Normeza Wan Zakaria & Nor Aishah Buang (2012), Herman Budiyono (2012), Roslan Daud (2010), Griffen Anak Encharang (2012), Azizul Rahman Abdul Rahman (2007), Paimah Atoma (2004), Mohammad Fadzeli Jaafar (2001), Awang Sariyan (1991), Naapie Mat (1997), Sandrasegaran Vasimuthu (1994), dan Sluhi Lamat (1993). Kesemua kajian berikut tertumpu pada struktur perenggan dalam bidang penulisan karangan sahaja. Manakala, kajian yang dilakukan oleh Zainiah Mohamed Isa (2009), Jeniri Amir (2007, 2006, 2005), dan Mohd Azhar Abd. Hamid et al. (2001) pula dalam bidang penulisan buku. Justeru, kajian tentang pemerengganan teks dalam penulisan buku tidak banyak dikaji oleh pengkaji terdahulu. Hal ini perlu diketengahkan agar dapat dijadikan sebagai panduan dan pedoman kepada penulis dan pihak penerbitan, di samping dapat menyumbang kepada perkembangan dalam bidang penulisan dan penerbitan dalam menghasilkan penulisan yang bermutu.

Seterusnya, masalah yang timbul dalam penghasilan pemerenggan dalam teks adalah seperti penulisan yang tidak mempunyai perenggan (Jeniri Amir, 2007). Keadaan ini akan menyebabkan pembaca sukar mengikuti jalur pemikiran penulis, tidak dapat memahami dan menumpukan perhatian pada idea yang disampaikan oleh penulis. Oleh itu, penulisan yang mempunyai perenggan dapat membantu pembaca mengetahui peralihan setiap isi yang disampaikan oleh penulis.

Selain itu, kewujudan unsur yang bertentangan seperti terdapat lebih daripada satu tema dalam sesebuah perenggan akan menyebabkan perenggan tidak utuh, lantas gagal untuk berkomunikasi dengan berkesan (Jeniri Amir, 2007). Sebagai contoh, “Kerajaan memang bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada rakyat, tetapi negara mengalami kemelesetan ekonomi dan pelancong tidak banyak yang datang ke negara ini”. Dapat dilihat dalam fakta ketiga iaitu ‘pelancong banyak yang datang ke negara ini’ tidak memperlihatkan kaitan yang langsung, bahkan terlalu jauh daripada fakta pertama yang menjadi asas gagasan dalam ayat tersebut (Awang Sariyan, 2009). Keadaan ini akan menyebabkan pembaca mengalami kekeliruan dan kesukaran dalam memahami perkara yang ingin disampaikan oleh penulis, dan keceluaran idea dalam sesebuah perenggan menjadikan perenggan tersebut tidak relevan dan menimbulkan keraguan kepada pembaca., penulis perlu memastikan ayat topik adalah benar dan memastikan setiap ayat dalam perenggan berkenaan menyokong idea utama yang diungkapkan dalam ayat topik. Justeru, ayat topik, fakta, huraian lanjut memainkan peranan penting dalam sesebuah perenggan penulisan untuk memberikan keyakinan kepada pembaca sesuatu perkara yang disampaikan oleh penulis adalah benar, tepat dan jitu.

Di samping itu, perenggan yang tidak mempunyai fokus iaitu ayat tanpa fokus akan menyebabkan pembaca mengalami gangguan akibat kekurangan fokus (Jeniri Amir, 2005). Seperti contoh yang diberikan oleh Awang Sariyan (2009), “Oleh itu, salah satu jalan ialah membimbang anak ke arah kebebasan berfikir untuk meningkatkan daya cipta yang lebih tinggi, diiringi pula oleh pengawasan yang teliti dan saksama daripada orang tua yang sekali gus perlu memahami kejiwaan anaknya”. Didapati terdapat tiga gagasan penting dalam satu ayat sehingga menyebabkan ayat itu kehilangan fokus. Keadaan ini menyebabkan mesej dan persoalan yang hendak disampaikan akan terjejas dan tidak

difahami. Hal ini demikian kerana ayat yang memberikan fokus kepada topik perbincangan akan menyerlahkan lagi penulisan bagi menarik perhatian pembaca.

Masalah lain ialah penghasilan perenggan yang panjang juga akan menyebabkan pembaca cepat letih (Jeniri Amir, 2006). Seperti contoh ayat berikut dalam Fathuri Salehuddin (2014), “Oleh itu, usaha paling berkesan agar mudah menjemput rezeki tertentu dengan mendekatkan diri kepada Allah. Berusaha sehingga Allah kasih dan redha kepada kita. Dapatkan dibayangkan bagaimana anaknya kehidupan seseorang yang menjadi kekasih Allah? Pelbagai kisah sudah kita dengar. Kehidupan orang yang bertakwa memang sangat istimewa. Mereka mendapat layanan yang luar biasa berbanding manusia biasa. Hari ini, Allah yang sama, membuka peluang kepada kita untuk berusaha dan terus berusaha agar turut sama mendapat nikmat itu. Iaitu menjadi kekasih Allah. Jalannya sudah ditunjukkan. Iaitu dengan berusaha menjadi orang yang bertakwa. Takwa dalam bahasa yang mudah adalah, buat apa yang Allah suruh, dan tinggalkan apa yang Allah larang mengikut cara yang diajarkan oleh Nabi Muhammad”. Oleh itu, pengolahan idea yang terlalu panjang boleh dipecahkan kepada dua atau tiga perenggan untuk mengelakkan pembaca mengalami keletihan membaca sesebuah penulisan.

Berdasarkan masalah yang timbul dalam penghasilan pemerenggan dalam teks seperti dinyatakan, iaitu dikaji dalam bidang pendidikan sahaja, ketiadaan perenggan dalam penulisan, perenggan yang mencampuradukkan idea, kewujudan unsur yang bertentangan dalam perenggan, perenggan yang tidak mempunyai fokus ayat, dan perenggan yang panjang, menunjukkan bahawa penulis tidak mahir dalam proses mengarang. Hal ini jelas menunjukkan aspek pemerenggan dalam teks amat penting, dan penulis hendaklah menguasai ilmu menulis dengan menguasai sistem perenggan yang baik supaya dapat menyampaikan maklumat atau mesej yang berkesan, jelas dan tepat kepada pembaca.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mendedahkan pemerenggan teks dalam buku *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* (IBBKB) kepada masyarakat umum, bukan sahaja kepada penulis. Hal ini demikian kerana maklumat atau nasihat daripada buku tersebut hendaklah disampaikan secara berkesan kepada pembaca. Keadaan ini memberi lompong kepada pengkaji untuk mengkaji jenis pemerenggan teks yang terdapat dalam buku IBBKB yang digunakan oleh penulis dalam menyampaikan mesej kepada pembaca.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini menggariskan tiga objektif kajian, iaitu:

- i. mengenal pasti jenis struktur pemerenggan teks dalam buku *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* (IBBKB).
- ii. menganalisis jenis struktur pemerenggan teks dalam buku *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* menggunakan Pendekatan Model Jenis Struktur Perenggan

- Teks (Mohd Azhar Abd. Hamid et al., 2001) dengan memberi tumpuan kepada penggunaan ayat majmuk keterangan.
- iii. merumuskan pemerengganan teks yang utuh dalam buku *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* (IBBKB).

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk dibincangkan dan dihuraikan. Persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah jenis struktur pemerengganan teks yang digunakan dalam buku *Bapa Bijak Keluarga Bahagia*?
- ii. Adakah jenis struktur pemerengganan teks dalam buku *Bapa Bijak Keluarga Bahagia* dapat diterapkan dengan Pendekatan Model Jenis Struktur Perenggan Teks (Mohd Azhar Abd. Hamid et al., 2001) dengan penggunaan ayat majmuk keterangan?
- iii. Apakah rumusan pemerengganan teks dalam buku *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* yang melibatkan perenggan pengenalan, isi dan penutup?

1.5 Kepentingan Kajian

Penulisan sesebuah buku adalah salah satu medium penting dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat dalam pelbagai bidang. Menurut Jafaar Rahim (2016), menyatakan bahawa “Makna falsafah sesebuah buku ialah buku ialah ilmu, buku ialah pengetahuan, buku ialah pemikiran, buku ialah kemahiran dan buku ialah kemanusiaan”. Keadaan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya penghasilan sesebuah buku dengan menghasilkan karya-karya berkualiti dalam pembentukan pemikiran masyarakat. Penghasilan penulisan yang berkualiti dan berkesan memerlukan penulis bijak dalam mengembangkan idea, fakta dan huraian dalam penulisan dengan menggunakan pelbagai kaedah dan strategi untuk menarik minat masyarakat untuk membaca. Oleh itu, kajian ini penting untuk diusahakan kerana dapat memberikan manfaat kepada penulis, pembaca, dan penerbit serta pengkaji seterusnya.

1.5.1 Penulis

Kajian ini menjurus kepada penggunaan pemerengganan teks dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh penulis dalam penulisan buku motivasi. Hal ini kerana buku motivasi menjadi panduan dan teladan kepada pembaca dan masyarakat untuk membentuk keperibadian yang lebih baik. Buku motivasi memberikan pengetahuan yang lebih dari sudut hujah dan pengolahan yang lebih terperinci seperti penggunaan petikan kutipan untuk menambahkan keyakinan pembaca, dan bertongkatkan ilmu latar belakang penulis yang lazimnya pakar di dalam disiplin ilmu terbabit. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kepekaan setiap penulis terhadap pentingnya menggunakan kepelbagaiannya jenis struktur pemerengganan teks dalam pengolahan idea

agar menarik minat pembaca, di samping mampu memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca.

Kajian ini penting agar dapat memberikan kesedaran kepada penulis buku motivasi dalam mengolah idea dan menyampaikan idea kepada pembaca dengan lebih berkesan, dan kajian ini juga dapat digunakan untuk penulisan dalam pelbagai bidang. Kajian ini juga penting kepada penulis agar dapat membantu penulis menyampaikan maklumat kepada pembaca dengan bentuk penyampaian yang sesuai dan berkesan. Kepelbagaian kaedah dalam penghasilan sesebuah perenggan dapat memberi pendedahan kepada penulis supaya lebih teliti bagi mengembangkan idea (pertautan idea) dari satu perenggan ke satu perenggan yang lain. Kajian ini juga berpotensi untuk dijadikan rujukan kepada penulis dalam menghasilkan sesebuah buku motivasi yang berkualiti, iaitu dengan menggunakan struktur perenggan yang pelbagai dan menggunakan susunan ayat, mengulang kata kunci, penggunaan kata hubung, dan pemilihan diksi yang sesuai dalam menarik perhatian pembaca serta membantu berkomunikasi dengan pembaca. Oleh itu, setiap penulis yang menggunakan bahasa sebagai wahana pemikiran perlu meneliti kesan penulisannya terhadap pembaca.

1.5.2 Pembaca

Kajian kepelbagaian jenis struktur perenggan teks dalam buku penulisan motivasi ini dapat memberikan manfaat kepada pembaca. Hal ini kerana memudahkan pembaca mengikuti jalur pemikiran penulis dengan penghuraian, pengolahan dan penyampaian idea yang berkesan, melalui kepelbagaian gaya pemerenggan dan mematuhi syarat-syarat penghasilan perenggan yang utuh. Selain itu, pembaca dapat memahami dengan lebih jelas maksud yang hendak disampaikan oleh penulis melalui kesinambungan idea dalam penulisan. Pengolahan idea dalam penulisan mampu meningkatkan kebolehbacaan yang tinggi dalam kalangan pembaca terhadap buku motivasi, terutamanya dalam penggunaan perenggan kutipan untuk menambahkan keyakinan pembaca terhadap idea yang dibincangkan. Seterusnya, dapat mengubah pembaca dan masyarakat ke arah yang lebih baik dan dapat memberikan teladan dalam kehidupan masa hadapan, melalui penulisan yang berkesan dari segi cara penyampaian dan penggunaan bahasa yang betul. Justeru, penulis bertanggungjawab terhadap kesan pembacaan pembaca, iaitu penulis mestilah menggunakan bahasa Melayu yang betul, tepat dan baik dalam menghuraikan idea agar dapat memberikan pengajaran dan teladan kepada pembaca.

1.5.3 Penerbit

Seterusnya, kajian ini juga penting kepada penerbit sekiranya penerbit menerbitkan buku yang mempunyai kepelbagaian jenis struktur perenggan teks dan mematuhi syarat penulisan yang berkesan dapat melariskan penjualan buku tersebut. Buku yang mempunyai gaya penulisan pelbagai dalam mengolah idea dan penyampaian yang berkesan menjadikan penulisan buku bermutu dan berkualiti sehingga dapat menarik minat pembaca untuk membeli buku tersebut. Justeru, industri buku negara dapat berkembang dan kumpulan pembeli dan pembaca buku akan semakin meningkat. Kajian ini turut mendedahkan kepentingan pemerenggan teks kepada editor atau

pegawai penerbitan untuk melakukan kerja-kerja membaca pruf dengan teliti dan berjaya menghasilkan buku yang terbaik untuk dipasarkan kepada pembaca.

1.5.4 Pengkaji yang Seterusnya

Akhir sekali, kajian ini juga diharap dapat membuka ruang kepada pengkaji untuk mengkaji korpus ilmu dalam bidang penulisan dan penerbitan buku motivasi kepada pengkaji masa hadapan. Kajian ini juga penting dalam ilmu bahasa kerana memerlukan penulis menghasilkan penulisan yang berkualiti dalam penghuraian idea yang berkesan dengan menggunakan ayat yang tepat, bahasa yang betul dan fakta yang sahih. Penggunaan ayat yang tepat dapat membantu penulis menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan kepada pembaca, malah dapat mengolah sesuatu isu dengan lebih berkualiti dan berprinsip. Justeru, hal ini dapat melancarkan komunikasi antara penulis dan pembaca dengan penyampaian maklumat dengan tepat dan sahih serta mampu mendidik masyarakat menggunakan bahasa yang betul. Hasil kajian dalam karya buku motivasi ini juga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan bagi penulis dan pengkaji lain. Sehubungan itu, kajian ini diharap dapat membantu para pengkaji, khususnya yang berkecimpung dalam penulisan dan penerbitan bagi memperluaskan lagi sempadan serta ufuk kajian sedia ada. Kajian ini juga diharap dapat memberi manfaat kepada kajian dalam disiplin-disiplin ilmu yang lain tanpa mengira bidang dalam penghasilan sesebuah penulisan dengan memvariasikan penulisan untuk menarik perhatian pembaca. Secara keseluruhannya, kajian ini dan penemuan nanti diharap sekurang-kurangnya dapat memperkayakan lagi korpus penyelidikan dan kesarjanaan, khususnya dalam bidang penulisan dan penerbitan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini meneliti struktur pemerengganan teks yang terdapat dalam buku motivasi *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* hasil karya Zaid Mohamad (2015). Oleh itu, pengkajian ditumpukan kepada sebuah buku motivasi sahaja. Terdapat 40 tajuk, iaitu sebanyak 257 halaman dalam buku motivasi ini, namun sebanyak 12 tajuk, iaitu 323 perenggan dianalsis. Berikut merupakan jadual sampel yang dianalisis.

Jadual 1.1: Senarai Tajuk Sampel Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia

Bil	Tajuk	Halaman	Jum Perenggan
1.	Islam Mengutamakan Kasih Sayang	5-10	28
2.	Kasih Sayang Rasulullah Saw terhadap Anak-anak	11-14	15
3.	Pesan untuk Isteri dan Ibu	23-31	51
4.	Solat, Ibu Bapa dan Anak	32-39	37
5.	Jangan Memilih Kasih antara Anak-anak	40-45	30
6.	Menyemai Kasih Sayang dalam Diri Anak-anak	46-51	26
7.	Mengajar Anak, Berpegang kepada Prinsip	52-56	21
8.	Mencapai Keikhlasan dalam Berkasih Sayang	90-94	22
9.	Kuasa Sentuhan Kasih Sayang	121-124	19
10.	Tunjukkan Kesopanan kepada Anak-anak	125-130	28
11.	Mencapai, Keamanan dalam Rumah	163-167	24
12.	Portal Kasih Sayang	190-194	22
	Jumlah	57	323

Rasional pengkaji memilih buku motivasi ini kerana Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (2018) turut mengulas tentang buku ini dengan menyatakan bahawa buku ini memberi inspirasi kepada ibu bapa membina keluarga bahagia dan cemerlang. Buku ini menjelaskan tentang perihal pentingnya kebahagian sebuah keluarga melalui perasaan kasih sayang yang dapat menyelesaikan masalah dari segi pencapaian akademik, disiplin, masalah remaja dan hubungan suami isteri. Ramai ibu bapa yang mengamalkan prinsip-prinsip yang salah dalam mendidik anak-anak. Hal ini demikian kerana rata-rata ibu bapa lebih menekankan pencapaian akademik terhadap anak-anak sehingga memberikan kesan yang negatif kepada keperibadian anak-anak. Tambahan lagi, Rozeta Shaary (2013) turut menyatakan bahawa ilmu keibubapaan amat penting, namun ramai yang tidak menyedari bahawa kemahiran ini perlu disesuaikan dengan situasi terkini supaya ibu bapa tahu pendekatan terbaik untuk mendidik anak-anak. Oleh itu, buku ini sesuai dijadikan sebagai panduan kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak bagi mewujudkan kebahagian dan kejayaan sebuah keluarga melalui curahan kasih sayang.

Tambahan lagi, buku motivasi *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia* merupakan terbitan Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd. yang diterbitkan pada tahun 2015 dan ditulis oleh Zaid Mohamad. Beliau bertindak sebagai perunding Motivasi Keluarga dan merupakan *Bestselling Author* di *Smart Parents, Brighter Kids and Smart Parents, Richer Kids*. Beliau juga merupakan penulis mingguan *Smart Parenting* dalam kolumn *The New Sunday Times* dan penulis bulanan *Work-Life Balance* dalam kolumn *The Star* serta penulis bagi kolumn Majalah WANITA dan Majalah Demi Cinta. Di samping itu, beliau juga merupakan ahli *Certified Parental Coach* dan *Chief Executive Officer (CEO)* kepada *Smart Parents Network* (Zaid Mohamad, 2012).

1.7 Definisi Konsep

Kajian ini membincangkan “Pemerengganan Teks dalam Buku *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia*”. Oleh itu, pengkaji memberikan definisi tentang perenggan, ayat majmuk keterangan, dan buku bagi memberikan fokus utama tentang kajian ini.

1.7.1 Perenggan

Jo Ray McCuen & Anthony Winkler (2006), mengatakan perenggan berasal daripada perkataan Latin, iaitu *paragraphus* yang bermaksud suatu lambang yang menandakan pembentukan bahagian baharu. Jeniri Amir (2005), mendefinisikan perenggan sebagai kumpulan atau rentetan perkataan yang disusun secara logik dan teratur yang membina beberapa ayat bagi mendukung gagasan dan idea tertentu dalam wacana yang utuh. Perenggan sebagai percubaan memerihalkan atau menjelaskan sesuatu persoalan. Mohd Azhar Abd Hamid et al. (2001), pula menyatakan perenggan merupakan unit karangan yang mengandungi beberapa ayat, yang antara satu dengan lain mempunyai hubungan dari segi makna dan tatabahasa.

Raminah Sabran (1989), menjelaskan perenggan sebagai sebuah kotak kecil ayat-ayat yang membina bentuk dan dalam masa yang sama juga adalah berfungsi sebagai sebahagian daripada keseluruhan penulisan. Perenggan merupakan sekelompok karangan pendek yang mengandungi struktur ayat yang bervariasi. Seterusnya, Sulaiman Masri (1998) berpendapat dalam pembinaan perenggan, kesatuan ayat-ayat sangat penting. Kesempurnaan suasana dan urutan ayat demi ayat menjadi tanda lengkapnya sesuatu perenggan. Manakala, Kamaruddin Husin (1995) mengatakan isi-isi itu dipecah-pecahkan dalam perenggan-perenggan. Sebaik-baiknya satu isi ditulis dalam satu perenggan jika didapati isi itu pendek-pendek.

Pada asasnya, setiap perenggan memiliki satu kesatuan isi utama dan kesemua isi atau idea utama ini hendaklah mempunyai perkaitan dengan tajuk karangan tersebut agar pembaca dapat memahami, di samping dapat memperlihatkan karangan tersebut sebagai satu komposisi yang tersusun (Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz, 1997). Secara umumnya, struktur perenggan teks penting dalam menyampaikan idea-idea yang konkrit dan tersusun. Idea atau isi yang disampaikan oleh penulis dapat disampaikan dengan lebih jelas dan terperinci serta secara langsung memudahkan pembaca mengikuti idea-idea penulis dengan lebih licin (Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz, 1999).

Sandrasegara Vasimuthu (1994) menyatakan pemerenggan merupakan aspek yang penting dalam menentukan kualiti sesebuah karangan dan beberapa langkah penting perlu diambil untuk menghasilkan penulisan perenggan yang bermutu dan seterusnya menghasilkan karangan yang baik. Seterusnya, Azizul Rahman Abdul Rahman (2007) menjelaskan bahawa sesebuah karangan yang lengkap terhasil daripada himpunan perenggan yang dibentuk dengan ayat yang sempurna dari segi tatabahasa dan makna. Ayat-ayat tersebut akan membantu penulis dalam mengembangkan isi atau idea, dan

setiap perenggan yang lengkap perlu disertai dengan isi penting, huraian dan contoh yang sesuai.

Di samping itu, Marthen L.Mullik (2010) juga turut mendefinisikan alinea atau perenggan sebagai ayat atau himpunan ayat yang berkesinambungan dalam suatu rangkaian untuk membentuk sebuah gagasan. Idea menjadi jelas dengan huraian tambahan yang menjelaskan lagi idea dalam perenggan. Perenggan disusun daripada beberapa ayat yang berfungsi sebagai penjelas kepada idea utama, untuk memudahkan pengertian dan pemahaman dengan menceraikan suatu tema dengan tema yang lain, dan memisahkan dan menegaskan perhentian sewajarnya dan formal untuk membolehkan pembaca menumpukan perhatian yang lebih mendalam terhadap tema perenggan. Perenggan berfungsi sebagai gagasan idea tertentu yang dihasilkan dengan kemas dalam rangkaian ayat yang saling bertautan untuk suatu membentuk koherensi, yang membolehkan pembaca memfokuskan fikiran pada gagasan yang disampaikan oleh penulis. Oleh itu, ayat-ayat dalam perenggan mestilah berpautan antara satu sama lain.

Naapie Mat (1997) pula sepakat dengan Fergensen (1989), Trimmer & McCrimmon (1988), Weiner (1987), dan Tomkins (1990) yang mengatakan bahawa “Mengarang sebagai suatu aktiviti yang kompleks, proses mengarang terdiri daripada beberapa tahap, iaitu perancangan, menulis draf serta mengarang kerana setiap tahap ini secara tidak langsung akan melibatkan pemerenggan”. Perenggan dihasilkan bertujuan untuk memisahkan bahagian-bahagian dalam karangan seperti pengenalan, perkembangan, dan penutup, serta mempunyai kaitan antara satu sama lain. Penyusunan perenggan perlu dipelihara dengan rapi agar sesbuah karangan itu dapat mengekalkan ikatan pemikiran yang ingin disampaikan dari mula proses mengarang karangan hingga ke akhirnya. Awang Sariyan (1991) pula, menjelaskan bahawa perenggan bukan sekadar satu himpunan ayat atau kata, sebaliknya perenggan bertindak sebagai satu unit wacana yang memperlihatkan kesatuan idea daripada binaan bahasa.

Bander Robert (1980), menyatakan bahawa perenggan terbahagi kepada perenggan pengenalan, perenggan-perenggan isi, dan perenggan penutup berdasarkan dari sudut kedudukannya. Dari segi perenggan pengenalan, Kemper, Nathan & Sebranek (1995) pula menyatakan perenggan pengenalan perlu dibina dengan sistematik dan disertai unsur yang menarik agar pembaca tertarik meneruskan pembacaannya kepada isi-isi seterusnya. Tambahan pula, Tedlock & Jarvie (1961) menyatakan perenggan pengenalan adalah penghubung antara pembaca dengan teks dan terbina daripada tiga komponen, iaitu ayat rangsangan, huraian sokongan, dan diakhiri oleh ayat arah.

Seterusnya, Azizul Rahman Abdul Rahman (2007) berpendapat pembinaan perenggan pengenalan amat penting kerana perenggan ini mestilah berupaya membangkitkan keinginan pembaca untuk meneruskan pembacaannya, dan ayat-ayat yang dibina dalam perenggan ini harus mampu merangsang fikiran dan menyentuh emosi persidangan. Hal ini turut disokong oleh Awang Sariyan (1986) yang menyatakan perenggan pendahuluan penting dalam karangan bagi memandu pembaca untuk mendapat idea kasar, atau inti sari persoalan yang akan dibincangkan selanjutnya. Jalinan perenggan-

perenggan berikutnya menampung persoalan itu secara terperinci berdasarkan susunan isi yang teratur dan logik sehingga memudahkan pembaca mengikuti jalinan fikiran dan persoalan yang dikemukakan.

Selanjutnya, dari segi perenggan isi Tedlock & Jarvie (1961) menyatakan perenggan isi bertindak sebagai nadi sesebuah karangan yang mengandungi idea yang menyokong sesuatu idea utama yang ingin disampaikan. Idea utama hendaklah diikuti oleh huraian supaya pembaca dapat memahami maksud yang hendak disampaikan, di samping kejelasan idea yang menyokong sesuatu pendapat akan memantapkan lagi sesebuah karangan.

Terdapat beberapa jenis perenggan isi yang bergantung pada kedudukan ayat topik dalam perenggan. Menurut Marthen L.Mullik (2010), Azizul Rahman Abdul Rahman (2007), Paimah Atoma (2004), Sluhi Lamat (1993) dan Awang Sariyan (1991), ayat topik yang berada pada bahagian awal perenggan dikenali sebagai perenggan deduktif. Perenggan ini memperkenalkan idea, persoalan, diikuti dengan menyusun huraian-huraian yang terperinci. Perenggan deduktif ini memperlihatkan bahawa ayat pertama merupakan ayat yang mengandungi gagasan utama, dan disusuli dengan ayat-ayat yang membawa kepada perincian dan penjelasan yang lebih lanjut tentang gagasan utama tersebut.

Seterusnya, Azizul Rahman Abdul Rahman (2007) dan Sluhi Lamat (1993) menyatakan perenggan ini dimulai dengan beberapa ayat sokongan dan diikuti dengan ayat topik yang menyatakan isi utama. Awang Sariyan (1991) berpendapat bahawa istilah induktif disesuaikan dengan istilah bidang falsafah yang menunjukkan penghuraian sesuatu konsep atau teori dengan terlebih dahulu dengan mengemukakan perincian dan ditutup dengan prinsip atau rumusannya. Berdasarkan pengertian ini jugalah perenggan jenis ini dibina. Menurut Paimah Atoma (2004), perenggan ini bertindak sebagai menyimpulkan idea-idea ayat sokongan yang terletak pada awal dan pertengahan perenggan. Tambahan pula, ayat-ayat dalam perenggan tersebut disusun sedemikian untuk mencapai klimaks dalam ayat topik yang terdapat pada akhir perenggan tersebut (Marthen L.Mullik, 2010).

Selanjutnya, menurut Marthen L.Mullik (2010) perenggan gabungan deduktif-induktif pula merupakan ayat topik berada pada bahagian awal dan akhir perenggan, dan ayat terakhir sering mengulangi gagasan dalam ayat pertama dengan sedikit tekanan atau variasi. Azizul Rahman Abdul Rahman (2007) pula menyatakan perenggan ini dimulai dengan isi penting, disusuli dengan huraian isi, diikuti dengan contoh dan diakhiri dengan penegasan isi penting. Tambahan lagi, fakta-fakta yang dimuatkan berupa fakta perbandingan dan dihubungkan dengan perkataan yang berfungsi sebagai penanda wacana (Paimah Atoma, 2004). Justeru, dengan mengemukakan isi utama pada bahagian awal dan hujung perenggan dapat mengukuhkan pemahaman pembaca (Awang Sariyan, 1991 & Sluhi Lamat, 1993). Manakala, perenggan dampingan pula meletakkan ayat topik pada tengah-tengah perenggan, dan ayat-ayat yang dihasilkan sebelum dan selepas ayat topik mengandungi fakta-fakta yang menyokong idea utama (Paimah Atoma, 2004).

Dari segi perenggan penutup pula, Bailey & Powell (1989), menyatakan perenggan penutup mempunyai dua fungsi, iaitu untuk mengingatkan pembaca kepada idea-idea utama dan sebagai tanda pengakhiran. Naapie Mat (1997), menyatakan terdapat beberapa cara membina perenggan penutup iaitu dengan menyatakan semula idea-idea atau isi-isi yang dibincangkan, membuat ramalan, memberi cadangan atau membuat urutan kronologis. Penanda wacana yang sesuai harus digunakan untuk memberitahu bahawa karangan berkenaan sudah ke perenggan yang terakhir. Pernyataan ini disokong oleh Awang Sariyan (1986) bahawa perenggan penutup berfungsi sebagai menyimpulkan segala perbincangan sebelumnya dan kesinambungan antara perenggan dari sudut bahasa, perlu ditandai dengan kata atau frasa perangkai tertentu.

Awang Sariyan (1986) menerangkan bahawa perenggan bukan himpunan ayat semata-mata sebaliknya perenggan yang mengandungi ayat-ayat yang saling berkaitan dan saling mengukuhkan antara satu sama lain. Jalinan di antara perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup akan kelihatan rentetan isi-isi berkaitan dengan tajuk. Tugas penulis ialah membentuk fikiran pembaca dari hal-hal yang umum kepada yang khusus dan terperinci dengan dimulai dengan perenggan pendahuluan, seterusnya perenggan isi yang menggunakan frasa perangkai sesuai, dan diakhiri dengan perenggan penutup yang menyimpulkan keseluruhan karangan. Awang Sariyan (1991), kepelbagaian jenis perenggan ini dapat membantu menghidupkan karangan dan lebih bervariasi dan menarik perhatian pembaca. Nathan & Sebranek (1995), menyatakan setiap perenggan hendaklah dibina secara sistematik dan mengikut struktur binaan tertentu dan penguasaan kemahiran pembinaan perenggan amat penting dalam proses kemahiran mengarang.

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, dapat disimpulkan bahawa perenggan merupakan idea yang disampaikan oleh penulis dalam kesatuan ayat yang disusun secara logik dan bervariasi yang berkaitan dengan tajuk penulisan, dalam mewujudkan kesinambungan antara perenggan yang mempunyai hubungan dari segi makna dan tatabahasa bagi memudahkan pembaca mengikuti idea-idea penulis dengan lebih jelas, licin dan terperinci. Jelaslah, kepelbagaian jenis perenggan dapat menarik pembaca terhadap penulisan dan mengelakkan pembaca cepat bosan.

1.7.2 Ayat Majmuk Keterangan

Nik Safiah Karim et al. (2004), menyatakan ayat majmuk keterangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat. Ayat-ayat keterangan berfungsi memberikan huraian lanjut kepada kata kerja ayat induk. Terdapat berbagai-bagai keterangan yang disampaikan oleh ayat-ayat kecil ini, bergantung pada jenis kata hubung yang digunakan dan maksud yang terkandung di dalamnya. Antaranya ialah ayat majmuk keterangan musabab, keterangan akibat, syarat, waktu, pertentangan, harapan, cara, tujuan, dan perbandingan.

Abdullah Hassan et al. (2006), pula menyatakan ayat majmuk keterangan ialah ayat yang mengandungi klausa yang berfungsi sebagai keterangan yang dipancangkan dalam predikat, khususnya kata kerja dan kata adjektif. Ayat majmuk ini dipancangkan

ke dalam klausa induk dan ditandai oleh kata sendi. Ayat majmuk jenis ini terbahagi kepada sembilan jenis, iaitu keterangan musabab, keterangan akibat, syarat, waktu, pertentangan, harapan, cara, tujuan, dan perbandingan.

Berdasarkan kedua-dua pendapat tersebut, ayat majmuk keterangan merupakan ayat yang memberi keterangan kepada ayat induk dan dipancangkan dalam predikat. Terdapat sembilan jenis ayat majmuk keterangan iaitu keterangan musabab, keterangan akibat, syarat, waktu, pertentangan, harapan, cara, tujuan, dan perbandingan, dan bergantung pada jenis kata hubung atau kata sendi yang digunakan dan maksud yang terkandung di dalamnya.

1.7.3 Buku

Buku merupakan alat utama dalam proses pendidikan dan mempunyai peranan yang besar dalam pengembangan kebudayaan dan pembangunan negara. Menurut Hamedи Mohd Adnan (2008), buku adalah sebarang halaman bahan yang bercetak yang panjangnya lebih daripada 49 halaman, ditulis oleh seorang penulis atau lebih, dijilid dan diapit kertas lebih tebal daripada kertas teks yang menjadi kulit buku, tidak diterbitkan mengikut masa tertentu (periodical), dan diterbitkan untuk dijual.

Menurut Kamus *Oxford*, buku didefinisikan sebagai “*a portable written or printed treatise, filling a number of sheets, fastened together*”, iaitu mudah ditulis atau karya bercetak yang terdiri daripada beberapa muka surat dan dijilid bersama. Manakala, Kamus *Webster* (2003) pula mentakrifkan buku sebagai “*a set of written, printed or blank sheets bound together into volume*”, iaitu satu set lembaran bertulis, bercetak atau kertas kosong yang diikat bersama dan dijadikan sebagai satu siri.

Berbeza pula definisi yang diberikan oleh UNESCO tentang buku. UNESCO memberikan tujuh definisi buku, iaitu sebagai lembaran-lembaran kertas yang bercetak, kertas-kertas bercetak itu digabungkan menjadi satu dalam bentuk jilidan, kertas-kertas bercetak dan berjilid itu mempunyai kulit yang biasanya menggunakan kertas yang lebih tebal dan berbeza dengan teks, kertas-kertas bercetak itu mempunyai lebih daripada 49 halaman, cetakannya tidak dilakukan dalam masa-masa yang ditentukan dan tidak berturutan dengan penerbitan yang lain, buku itu sekurang-kurangnya 50 naskhah yang sama, dan buku itu terbuka untuk jualan. UNESCO memberikan definisi yang menekankan aspek fizikal buku sahaja dan mengabaikan aspek kualiti dan penyusunan.

Collins English Dictionary and Thesaurus (1993), mentakrifkan buku dari aspek pengeluarannya sebagai sejumlah halaman bercetak atau bertulis yang dijilid di bahagian tepi dan biasanya dilitupi dengan kulit.

Menurut Mus Chairil Samani (2012), buku ditakrifkan sebagai satu set helaian bercetak yang berjilid dengan sebarang cara sekalipun sama ada jilid perekat (*perfect*), jilid kekulit (*case*), atau jilid cengkam (*comb*). Manakala, Abbot dan Kelly (2004) menyatakan bahawa buku elektronik dikenali sebagai e-buku yang berbentuk versi elektronik penerbitan bercetak, dan mempunyai ciri-ciri yang unik pada medium

digitalnya seperti keupayaan mengemaskinikan kandungan secara berterusan, bergabung dengan komponen multimedia dan interaktif, hipertautan pada laman web berkaitan, dan kemampuan carian yang canggih. Norshuhada et al. (2003), pula menyatakan bahawa buku elektronik sebagai buku berkertas yang ditukarkan kepada format digital yang lazimnya melalui proses pendigitalan yang membolehkannya dipaparkan di skrin komputer, dan dikenali sebagai e-buku.

Berdasarkan pendapat di atas, buku merupakan bahan yang bercetak dan berjilid atau melalui proses pendigitalan yang dihasilkan untuk pelbagai bidang, khususnya buku motivasi yang dapat dijadikan sebagai satu siri untuk dibaca oleh masyarakat.

1.8 Kesimpulan

Secara tuntasnya, struktur perenggan yang bervariasi mengembangkan idea-idea penulis dengan lebih tersusun dan terperinci, di samping dapat memudahkan pembaca mengikuti idea-idea penulis dengan lebih jelas. Penggunaan ayat majmuk keterangan dalam mengolah idea juga amat penting dalam penulisan supaya pembaca dapat memahami idea yang disampaikan dengan lebih jelas. Oleh itu, penghasilan buku motivasi yang berkualiti bergantung kepada kreativiti penulis dalam mengolah mesej dalam perenggan berdasarkan penerapan gaya penulisan terutamanya dalam penulisan buku motivasi agar dapat menjadi motivasi kepada masyarakat.

BIBLIOGRAFI

- Abbot Wendy & Kelly Kate. (2004). *Sooner Or Later! Have E-Boos Turned The Page?*. Dicapai pada 17 Disember 2018, diambil daripada: <http://www.vala.org.au/vala2004/2004pdfs/46AbbKel.PDF>.
- Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2016). Pantun Melayu: Ayat Majmuk Gabungan Bahasa Melayu. *International Journal of the Malay Word and Civilisation (Iman)*. 4(2), 23-36.
- Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya Rohani, Razali Ayob & Zulkifli Osman. (2006). *Sintaksis Bahasa Melayu*. Batu Caves: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Arina Johari & Mohd Zuber Ismail. (2003). Analisis Kesalahan Umum Struktur Ayat Majmuk oleh Pelajar Asing. *Procedding of International Language for Comunication Conference*. 371-394.
- Awang Sariyan. (2009). *Tertib Mengarang : Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (21 November 2007). *Kesinambungan antara Perenggan*. Dicapai pada 23 Februari 2017, diambil daripada: <http://www.dbp.gov.my/klikdbp/klikdbp11nov7.pdf>.
- Awang Sariyan. (Februari 1991). Jenis-jenis Perenggan dan Kaedah Membinanya. *Pelita Bahasa*, 32-33.
- Awang Sariyan. (Januari 1991). Membina Perenggan yang Berstruktur. *Pelita Bahasa*, 32-33.
- Awang Sariyan. (Mac 1991). Syarat-syarat Perenggan yang Utuh. *Pelita Bahasa*, 32-33.
- Awang Sariyan. (November 1986). Menjalin Perenggan Menjadi Karangan. *Dewan Siswa*, 46-47.
- Awang Sariyan. (Oktober 1986). Membentuk Perenggan dalam Karangan. *Pelita Bahasa*, 46-47.
- Azhar Salleh. (Okttober 2004). Perenggan dalam Penulisan. *Pelita Bahasa*, 6.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai Peneylidikan dalam Pendidikan : Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Batu Caves: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Azizul Rahman Abdul Rahman. (Jun 2007). Membina Perenggan Isi. *Dewan Siswa*, 17.

- Bailey Jr. Edward P. & Powell Philip A. (1989). *The Practical Writer with Reading* (Edisi ke-2). New York: Holt, Rinehart, and Winston.
- Bander Robert G. (1980). *From Sentence to Paragraph : A Writing Workbook in English as a Second Language*. New York: Holt, Rinehart, and Winston.
- Brew Angela. (2001). *The Nature of Research: Inquiry in Academic Contexts*. London: Routledge Falmer.
- Bryman Alan. (2008). ‘Of Methods and Methodology’, Qualitative Research in Organizations and Management. *An International Journal*. 3(2), 159-68.
- Colin Robson. (2011). *Real World Research : A Resource for Users of Social Research Methods in Applied Settings*. West Sussex : John Wiley & Son Ltd.
- Crawford J. & Irving C. (2009). Information Literacy in the Workplace: A Qualitative Exploratory Study. *Journal of Librarianship and Information Science*. 41(1), 29-38.
- Creswell John W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed-Method Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Della Thompson. (1996).*Oxford Compact English Dictionary*. New York: Oxford University Press.
- Fathuri Salehuddin. (2014). *Mudahnya Menjemput Rezeki*. Pasir Putih: Fathuri Salehuddin.
- Gay Lorraine R. & Diehl P.L. (1992). *Research Methods for Business and Managmnet*. New York: MacMillan Publishing Company.
- Graziano Anthony M. & Raulin Michael L. (1996). *Research Methods: Aprocess of Inquiry* (Edisi ke-3). New York: Addison Wesley Longman.
- Griffen Anak Encharang. (September 2012). Kesan Teknik “Think-Pair-Share” dalam Kemahiran Menulis Ayat Topik dan Ayat Huraian Murid Tahun Empat. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Bahasa Melayu: Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 15-29.
- Hamedи Mohd Adnan. (2008). *Memahami Penyuntingan Naskhah*. Selangor: Medium Publications.
- Herman Budiyono. (Julai 2012). Mengembangkan Paragraph Sesuai Fungsi dan Posisi dalam Rangka Menulis Sebuah Tulisan Esai. *Pena*. 2(2), 13-27.
- Hsieh Hsiu-Fang & Shannon Sarah E. (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research*. 15(9), 1277-1288.
- Jaafar Rahim. (3 Mei 2016). *Apa Pentingnya Pesta Buku untuk Pemikiran*. Dicapai Pada 17 Disember 2018, diambil daripada: <Https://Www.Malaysiakini.Com/News/340108>.

- Jeniri Amir. (2005). *Buat Duit dengan Menulis*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Jeniri Amir. (2006). *Belajar Menjadi Wartawan*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Jeniri Amir. (2007). *Teknik Menulis Ucapan*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Jo Ray McCuen & Anthony C.Winkler. (2006). *From Idea To Essay: A Rhetoric, Reader & Handbook (Edisi Ke-11)*. United States: Pearson Edu. Inc.
- Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (1999). *Bahasa Kebangsaan (Untuk Warganegara Malaysia)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Husin. (1995). *Laras Bahasa*. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemper, Nathan & Sebranek. (1995). *Writers Express - A Handbook for Young Writers, Thinkers and Learners*. United States: Great Source Education Group, Inc.
- Ko Teik Yen. (16 Disember 2015). *Impak Besar Jalinan Emosi Anak, Ibu Bapa*. Dicapai pada 17 Disember 2018, diambil daripada: <https://www.hmetro.com.my/node/100461>.
- Marian Makins & Lorna Knight. (1993). *Collins English Dictionary and Thesaurus*. Glasgow: Harper Collins
- Merriam-Webster Inc. (2003). *Merriam-Webster Collegiate Dictionary (Edisi Ke-11)*. United State of America: Merriam-Webster Incorporated.
- Marthen L.Mullik. (2010). *Modul 5: Alinea/Paragraf*. Dicapai pada 23 Februari 2017, diambil daripada: <https://akmalik.files.wordpress.com/2014/09/modul-5-alinea.pdf>.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (Jun 2001). Membina Perenggan dalam Karangan. *Pelita Bahasa*, 10-11.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid, Halimah Ma'lip, Paimah Atoma, Sanitah Mohd. Yusof, Sofri Ibrahim, Yusof Boon, Zaliza Mohd. Nasir, dan Zainudin Hassan. (2001). *Pengenalan kepada Penulisan Ilmiah*. Sekudai: Penerbit Teknologi Malaysia.
- Mus Chairil Samami. (2012). *Penerbitan : Teori & Praktis*. Kota Samarahan: Penerbit UNIMAS.
- Naapie Mat. (November 1997). Pembinaan Perenggan dalam Karangan. *Pelita Bahasa*, 38-39.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2004). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Ampang: Dawama Sdn. Bhd.
- Norshuhada Shiratuddin, Monica Landoni, Forbes Gibb, & Shahizan Hassan. (2003). *E-Book Technology and Its Potential Applications In Distance*

- Education. *Journal of Digital Information*, 3(4). Dicapai pada 17 Disember 2018, diambil daripada: <https://journals.tdl.org/jodi/index.php/jodi/article/view/90/89>.
- Paimah Atoma. (2004). Gaya Persembahan dan Kemahiran Penulisan. *Jurnal Kemanusiaan*. 3, 18-26.
- Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis. (2018). *Ringkasan Ulasan Buku Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia*. Dicapai pada 20 Oktober 2018, diambil daripada: <http://www.perlislib.gov.my/ringkasan-ulasan-buku/item/139-ibu-bapa-bijak-keluarga-bahagia>.
- Raminah Sabran. (1989). *Kecekepan Berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Raminah Sabran. (Februari 2014). Aspek Teknikal dalam Penulisan. *Pelita Bahasa*, 35-37.
- Richard Hanson. (1996). *Writing Successfully*. Boston: Allyn and Bacon.
- Robinns & Judge. (2007). *Perilaku Organisasi, Buku 1 dan 2*. Jakarta: Salemba Empat.
- Roslan Daud. (November 2010). Gaya Pemerenggan Pendahuluan Karangan. *Pelita Bahasa*, 34-36.
- Rozietta Shaary. (5 Disember 2013). Kemahiran Keibubapaan. Dicapai pada 17 Disember 2018, diambil daripada: <http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20131205/ke01/Kemahirankeibubapaan>.
- Sandrasegara Vasimuthu. (Jun 1994). Menulis Perenggan yang Baik. *Pelita Bahasa*, 22-23.
- Shahannon TM Sulaiman. (2013). *Pesona Buku : Kecemerlangan Diri melalui Buku-buku Motivasi*. Ampang: Pekan Ilmu Publication Snd. Bhd.
- Sharifah Akmam dan Syed Zakaria. (2005). *Panduan dan Strategi Motivasi Diri*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sinclair John McHardy. (1993). *Collins English Dictionary and Thesaurus*. Glasgow: HarperCollins.
- Sluhi Lamat. (Ogos 1993). Pembinaan Perenggan dalam Karangan. *Pelita Bahasa*, 20-21.
- Sulaiman Masri. (1998). *Indah Bahasa Baku*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Tedlock David & Jarvie Paul. (1961). *Casebook Rhetoric : A Problem-Solving Approach to Composition*. New York: Holt, Rinehart, and Winston.

- Trochim, W. M. (2000). The Research Methods Knowledge Base. Dicapai pada 18 November 2017, diambil daripada: https://www.researchgate.net/publication/243783609The_Research_Methods_Knowledge_Base.
- Wan Normeza Wan Zakaria dan Nor Aishah Buang. (Januari 2012). Analisis Struktur Teks dalam Kemahiran Membaca Teks Ekonomi. *Gema Online™ Journal of Language Studies*. 12(1), 295-309.
- Zaid Mohamad. (2012). *Smartparents.com.my*. Dicapai pada 18 November 2017, diambil daripada: <http://smartparents.com.my/about-page/>.
- Zaid Mohamad. (2015). *Ibu Bapa Bijak Keluarga Bahagia*. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.
- Zainiah Mohamed Isa. (2009). Pemilihan Buku Bacaan Bahasa Melayu yang Sesuai untuk Kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Bitara*. 2, 45-57.

BIODATA PELAJAR

Atikah binti Mohd Noor - Dilahirkan pada 17 September 1991 di HUSM Kubang Kerian, Kelantan. Anak bongsu daripada tujuh orang adik-beradik. Memulakan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada September 2011 bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam dalam jurusan Bacelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) dengan Kepujian Kelas Pertama. Menyambung pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana di UPM dalam bidang Master Sastera (Bahasa Melayu) di bawah seliaan Dr. Sharil Nizam Shari dan Dr. Hasnah Mohammad.

SENARAI PENERBITAN

Atikah Mohd Noor, Sharil Nizam Sha'ri, PhD & Rohaidah Kamaruddin, PhD. (2018). Nilai Murni dalam Cerita Sang Kancil. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1), 92-102.

Rohaidah Kamaruddin, Zuraini Seruji, **Atikah Mohd Noor**, Nur Marjan Mat Yassin, & Siti Izarina Yajib. (2018). Neurolinguistics and Language Function. *Journal Of US-China Public Administration*. 15(1), 34-42.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PEMERENGGANAN TEKS DALAM BUKU IBU BAPA BIJAK KELUARGA BAHAGIA

NAMA PELAJAR : ATIKAH BINTI MOHD NOOR

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]